

BERITA

Model jagaan terkini tangani kes trauma, tindak balas segera

Pusat Trauma TTSH bertindak sebagai hab kendali kes rumit, parah; hospital lain rawat kes kurang serius

Satu model penjagaan trauma yang diilhamkan daripada bentuk roda basikal telah dilancarkan di kawasan tengah Singapura.

Konsep *hub and spoke* atau hab dan jejari roda basikal, dapat meningkatkan peluang pesakit yang cedera parah dan mengancam nyawa, menerima rawatan optimum di hospital paling sesuai, sekali gus mempercepat masa dalam memberi tindak balas dan mengurangkan kadar kematian.

Pusat Trauma Hospital Tan Tock Seng (TTSH) berperanan sebagai hab, dalam menangani kes trauma yang paling rumit dan kritikal, manakala hospital lain di kawasan tengah Singapura menjadi jejari atau rui, yang menguruskan kes sederhana hingga kurang serius.

‘Hospital jejari’ merangkumi Hospital Khoo Teck Puat (KTPH), Woodlands Health (WH), Hospital Besar Sengkang (SKH), Hospital Raffles dan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK (KKH), iaitu hospital dari kelompok penjagaan kesihatan berbeza.

Model tersebut juga membantu “memanfaatkan sumber sepenuhnya... memandangkan empat daripada lapan pakar bedah trauma di Singapura berkhidmat di TTSH”, kata pengarah Pusat Trauma TTSH, Dr Teo Li Tserng, kepada wartawan dalam satu temu bual pada 16 Julai.

Empat lagi pakar bedah trauma berkhidmat di tiga hospital lain, lapor *The Straits Times* (ST).

Dr Teo menjelaskan bahawa pesakit yang memerlukan rawatan berdasarkan satu set kriteria



Konsep ‘hub and spoke’ atau hab dan jejari ala roda basikal, dipercayai dapat meningkatkan peluang pesakit yang cedera parah menerima rawatan optimum di hospital paling sesuai, sekali gus mempercepat masa dalam memberi tindak balas dan mengurangkan kadar kematian. – Foto TTSH

perindahan sekunder, akan diujuk ke hab tersebut.

Kriteria itu termasuk pesakit yang memerlukan rawatan khusus, tidak disediakan di hospital yang membuat rujukan, mengalami masalah perubatan tertentu seperti cedera parah, memerlukan pemantauan khusus, atau mengalami masalah berkomunikasi.

Model penjagaan tersebut dikongsi semasa Persidangan Trauma dan Penjagaan Akut Singapura (Stacc) 2025, yang berlangsung di Pusat Konvensyen dan Pameran Suntec Singapura, dari 17 hingga 18 Julai.

Trauma adalah kecederaan yang disebabkan kuasa luar.

Ramai pesakit trauma mengalami pelbagai kecederaan atau kerosakan pada beberapa bahagian tubuh, sama ada akibat nahas jalan raya, terjatuh dengan teruk, atau luka yang menembusi tubuh.

Ia tersenarai dalam 10 punca kematian di Singapura, dengan kes terjatuh dan kemalangan jalan raya menjadi penyebab utama bagi kecederaan trauma tahap sederhana hingga serius.

Menurut Pejabat Pendaftaran Trauma Nasional (NTR), terdapat sekitar lapan kes trauma bagi setiap 100,000 penduduk yang dirawat di institusi penjagaan kesihatan awam setiap hari, antara 2021 dengan 2023.

Hampir tujuh dalam 10 kes trauma sederhana hingga serius melibatkan warga emas berusia 65 tahun ke atas.

Sekitar seorang daripada lima pesakit trauma serius tidak dapat diselamatkan, manakala seorang dalam 50 pesakit trauma sederhana meninggal dunia.

OCBC, universiti tempatan jalin kerjasama dalam bidang pengkomputeran kuantum

Bank OCBC memeterai perjanjian kerjasama dengan tiga universiti tempatan bagi memanfaatkan kuasa pengiraan komputer kuantum yang dipertingkat bagi mengukuhkan pengesanan penipuan dalam masa nyata dan memastikan data lebih selamat terhadap ancaman baru.

Perjanjian kerjasama penyelidikan selama 12 bulan antara bank itu dengan Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dengan Universiti Pengurusan Singapura (SMU), diumumkan dalam satu taklimat media pada 17 Julai.

Di bawah perjanjian itu, OCBC akan memanfaatkan algoritma kuantum bagi melaksanakan penentuan harga derivatif, proses menentukan nilai produk derivatif ekuiti seperti opsyen, perdagangan hadapan dan swap, lapor *The Straits Times* (ST).

Ketua Penasihat Kuantum, Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital (MDDI), Encik David Koh, berkata kerjasama itu adalah langkah ke landasan yang betul kerana kuantum kini adalah sesuatu yang nyata..

Ini memandangkan teknologi itu akan dapat menyelesaikan masalah yang dianggap mustahil oleh sistem pengkomputeran biasa.

Beliau, yang juga Ketua Eksekutif, Agensi Keselamatan Siber (CSA), berkata:

“Bagi OCBC, ia boleh mengoptimumkan instrumen kewangan.”

Bagi institusi perbankan lain pula, ia boleh antara lain menyelesaikan masalah logistik yang kompleks, mempercepat penemuan dadah dan meningkatkan keselamatan terhadap peningkatan ancaman siber, tambahnya.

“Jika kami boleh melakukan hal ini dengan baik, kami akan ada ekosistem kuantum yang menawarkan perniagaan kami kelebihan daya saing sejagat dalam hab digital bagi generasi akan datang,” kata beliau.

Singapura telah membelanjakan \$700 juta bagi penyelidikan dan pembangunan teknologi kuantum sejak 2022.

Pada 2024, OCBC mula melatih pekerja dalam pengkomputeran kuantum, termasuk kecekapan dalam aplikasi kuantum, pengaturcaraan dan langkah keselamatan.

Sebahagian daripada 50 kakitangan OCBC yang te-



Sesi pemeteraian perjanjian kerjasama bagi penyelidikan dihadiri (dari kiri) Pengarah Pusat Strategik Penyelidikan dalam Teknologi dan Sistem Pemeliharaan Privasi, Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Profesor Wang Huaxiong; Ketua Operasi Kumpulan dan Teknologi OCBC, Encik Praveen Raina; Ketua Penasihat Kuantum, Kementerian Penerangan dan Pembangunan Digital (MDDI), Encik David Koh; Timbalan Pengarah Pusat Teknologi Kuantum, Universiti Nasional Singapura (NUS), Profesor Valerio Scarani; dan Dekan Bersekutu, Sekolah Pengkomputeran dan Sistem Maklumat Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Profesor Madya Zhu Feida, pada 17 Julai. – Foto OCBC

lah dilatih setakat ini akan terlibat dalam kerjasama penyelidikan dengan ketiga-tiga universiti tersebut.

Penyelidikan itu melibatkan kerjasama dengan Pusat Teknologi Kuantum (CQT) NUS bagi mempercepat simulasi *Monte Carlo*, teknik yang digunakan secara meluas dalam penentuan harga derivatif kewangan.

Derivatif ialah kontrak antara dua pihak, dengan nilai bergantung kepada pelbagai keadaan pasaran, ujar Penolong Profesor NUS Patrick Rebentrost.

Untuk mendapatkan nilai saksama, bank perlu mendapatkan purata menyusuli simulasi pelbagai keadaan pasaran.

Beliau berkata: “Komputer tradisional perlu melaksanakan simulasi jutaan senario berbeza manakala komputer kuantum hanya perlu melaksanakan simula-

si ribuan senario bagi mendapatkan hasil yang sama.”

Bagi mempercepat pengesanan penipuan secara tepat, OCBC akan bekerjasama dengan SMU untuk menggunakan teknik pembelajaran mesin kuantum.

Ini dilakukan untuk memproses data kompleks dan tidak berstruktur bagi mengenal pasti corak dan anomali yang menunjukkan kegiatan penipuan.

Sementara itu, Pengarah Pusat Strategik Penyelidikan dalam Teknologi dan Sistem Pemeliharaan Privasi di NTU, Profesor Wang Huaxiong, berkata kerjasama OCBC dengan NTU dijangka mengukuhkan teknik kriptografi bagi memanfaatkan kepakaran universiti tersebut dalam “membangunkan penyelesaian yang mampu bertahan dengan serangan siber generasi seterusnya”.

93 disiasat libat kegiatan along tanpa lesen

Seramai 93 individu, berusia antara 13 dengan 67 tahun, disiasat polis kerana disyaki terlibat dalam kejadian pinjaman wang tanpa lesen.

Dalam satu kenyataan polis pada 17 Julai, penglibatan mereka dikesan semasa operasi selama seminggu dari 9 hingga 15 Julai oleh para pegawai daripada Jabatan Siasatan Jenayah (CID) dan tujuh Bahagian Polis Darat.

Siasatan awal mendedahkan seorang individu beroperasi sebagai pemiutang wang tanpa lesen, manakala tujuh lagi disyaki mengugut peminjam di kediaman mereka.

Seramai 43 individu dipercayai bertindak sebagai *runner*, yang membantu dalam kegiatan pinjaman wang tanpa lesen dengan melakukan pemindahan wang melalui ATM.

Manakala baki 42 individu dipercayai membuka akaun bank dan menyerahkan kad ATM serta nombor pengenalan peribadi (PIN) atau token perbankan Internet mereka kepada pemiutang tanpa lesen.

Siasatan lanjut sedang dijalankan.

Di bawah Akta Pemiutang Wang 2008, seseorang yang menggunakan akaun bank, kad ATM atau token perbankan Internet untuk memudahkan kegiatan pinjaman wang tanpa lesen, dianggap telah membantu dalam menjalankan pemiagaan haram tersebut.

Pesalah kali pertama boleh dikenakan hukuman penjara sehingga empat tahun, denda sekurang-kurangnya \$30,000 dan maksimum \$300,000, serta sehingga enam sebatan rotan.

Pesalah kali pertama yang didapati bersalah terlibat sebagai pemiutang wang tanpa lesen dan mencuba atau melakukan sebarang ugutan boleh dikenakan hukuman penjara hingga lima tahun.

Mereka juga boleh dikenakan denda antara \$5,000 dengan \$50,000, dan antara tiga dengan enam sebatan.

Polis mengelaskan bahawa pemiutang wang tanpa lesen tidak teragak-agak melakukan gangguan berbahaya terhadap peminjam dan keluarga mereka.

Ini termasuk membakar atau menyimbah cat ke kediaman mereka serta mengunci pagar menggunakan rantai atau kunci basikal bagi mengurung penghuni.

Orang ramai dinasihatkan agar menjauhi pemiutang wang tanpa lesen dan tidak bekerjasama atau membantu mereka dalam apa jua cara.

Pas pelajar atau pas kerja warga asing akan dibatalkan jika mereka didapati meminjam atau membantu pemiutang wang tanpa lesen, dan akan diusir dari Singapura.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai individu yang mungkin terlibat dalam kegiatan pinjaman wang tanpa lesen boleh menghubungi talian polis di 1800-255-0000, atau memberikan maklumat dalam talian melalui pautan, www.police.gov.sg/t-witness.

Wartawan ST menang 4 anugerah Singapore Press Club



Empat wartawan *The Straits Times* (ST), (dari kiri) Koresponden Kanan, Cik Stephanie Yeo; Koresponden, Cik Ang Qing; Wartawan Grafik Digital, Cik Charlene Chua; dan Editor Teknologi, Cik Irene Tham – bersama anugerah Singapore Press Club masing-masing. – Foto ST

Apabila seorang pelanggan bank dengan segera memohon membekukan semua dana miliknya melalui fungsi suis pematik atau *kill switch*, namun tetap kehilangan \$3,000 akibat pemindahan tanpa kebenaran, Editor Teknologi, *The Straits Times* (ST), Cik Irene Tham, ingin tahu di manakah silapnya.

Fungsi suis pematik membolehkan pelanggan membekukan akaun bank jika mereka mengesyaki akaun mereka terjejas.

Didorong rasa ingin tahu, Cik Tham mula menyelidik cara dana pelanggan bank itu dipindahkan ke akaun luar negara yang tidak dikenali.

Beliau turut mendapati terdapat satu isu utama yang menyebabkan perkara itu berlaku – iaitu ketiadaan takrif seragam mengenai suis pematik di Singapura.

Cik Tham kemudian menulis ulasan

pada 16 Disember 2024 untuk mendedahkan isu tersebut.

Pada 16 Julai, Cik Tham, 51 tahun, merupakan antara empat wartawan ST yang menerima Anugerah Singapore Press Club.

Beliau memenangi anugerah IBM-Singapore Press Club bagi Kewartawanan Teknologi di Hotel Pan Pacific.

Wartawan dengan pengalaman selama lebih 20 tahun itu, berkata:

“Salah satu tanggapan biasa tentang wartawan teknologi ialah kami hanya bermain dengan *gadget* canggih.

“Memandangkan bidang kewartawanan teknologi berada di persimpangan pelbagai disiplin, ia memerlukan setiap perkembangan baru dijelaskan serta diletakkan dalam konteks yang sesuai untuk difahami semua lapisan masyarakat.”

Seorang lagi pemenang dari bilik

berita ST ialah Koresponden Kanan, Cik Stephanie Yeo, 55 tahun, yang menerima anugerah sulong Abbott-Singapore Press Club bagi Kewartawanan Kesihatan.

Singapore Press Club menyatakan laporan Cik Yeo memberi tumpuan kepada isu berkaitan putus haid dan penuaan, yang kurang mendapat liputan dan jarang dibincangkan secara terbuka di Asia.

Cik Yeo berkata: “Kesihatan wanita selama ini kurang diberi perhatian dan peruntukan, tetapi kini semakin ramai pakar, usahawan dan pejuang isu ini berusaha gigih untuk mengubah keadaan itu.”

Koresponden ST, Cik Ang Qing, 28 tahun, pula memenangi Anugerah CDL-Singapore Press Club bagi Kewartawanan Kemampunan.

Beliau terlibat dalam merangka

konsep dan mengacarakan podcast, *Green Trails*, yang memenangi kategori Podcast Terbaik pada Anugerah Media Digital Asia anjuran Persatuan Dunia bagi Akhbar dan Penerbit Berita (WAN-Ifra) pada 2025.

Sementara itu, Wartawan Grafik Digital ST, Cik Charlene Chua, 27 tahun, menerima anugerah Wartawan Digital Muda – *The Rising Stars*.

Editor ST, Encik Jaime Ho, berkata: “Setiap anugerah dan pengiktirafan terhadap tugas kami tidak pernah dianggap remeh.

“Kami rasa bersemangat dan akan menjadikannya sebagai dorongan untuk terus menghasilkan tugas yang lebih baik.”

Anugerah tahunan yang disampaikan sejak 2022 mengiktiraf wartawan dan karyawan industri yang menghasilkan karya bermutu dan bernilai tinggi.